



RALAT PINDAAN TARIKH TUTUP DAN DOKUMEN TENDER

MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia LPIPM (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Keterangan	Gred/ Kategori/ Pengkhususan	Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen dan Bayaran Atas nama	Tarikh dan Waktu Tender Di Tutup
MPJL-T/ BG 01/ 2026	PEMBINAAN GERAI SIMPANG EMPAT BANDAR SERI JEMPOL, JEMPOL, NEGERI SEMBILAN	Kategori CE Pembinaan Kejuruteraan Awam Pengkhususan B04-Kerja Am Bangunan CE21-Kerja-Kerja Am Kejuruteraan CE01-Pembinaan Jalan dan Pavement	Tarikh: 20/04/2026 (Isnin) Hingga 23/04/2026 (Khamis)	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jempol RM300.00	Tarikh: 17/04/2026 (Jumaat) PINDAAN TARIKH: 24/04/2026 (JUMAAT) Masa: 12.00 Tengah Hari

Pihak kontraktor perlu hadir ke **Kaunter Kejuruteraan, Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol** sebelum tarikh tutup tender dengan membawa dokumen tender kerana terdapat pindaan ke atas dokumen tender.

Dokumen tender boleh disemak dan diperolehi di Kaunter Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **20 April 2026 (Isnin)**. Dokumen tender tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan akan dijual sehingga **23 April 2026 (Khamis)**.

Dokumen Tender boleh diperolehi di **Kaunter Kejuruteraan, Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol** pada hari Isnin-Khamis jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang (Hari Bekerja). Kontraktor Wajib membawa dokumen-dokumen asal semasa pembelian naskah tender.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat (**8.00 pagi-4.30 petang**). Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera G5 yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2026** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran kontraktor di Majlis Perbandaran Jempol pada Januari hingga Mac 2026.

Waktu Dokumen Tender boleh disemak dan diperolehi di **Kaunter Bahagian-Kejuruteraan, Bahagian-Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Jempol** semasa waktu pejabat seperti berikut:

Isnin hingga Jumaat : 8.30 pagi hingga 4.30 petang

Kontraktor diminta untuk mengemukakan 1 (SATU) salinan sijil Pematuhan Cukai 'TAX COMPLIANCE CERTIFICATE' (TCC) berstatus PATUH dan masih sah dalam tempoh tahun semasa pembelian borang tender.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor hendaklah membawa dokumen asal **Sijil Taraf Bumiputera (STB) berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia LPIPM (CIDB).**

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari pada 24 April 2026 (Jumaat)**. Jika tender / sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **pos berdaftar / kurier**, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada Tarikh Tutup tender / sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul tidak akan dilayan.

Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

16/04/2026